

## RAIKAN SATU SYAWAL DENGAN BERHEMAH

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَأَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkat ketaqwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala perintah dan seruan serta meninggalkan segala larangan-Nya Mudah-mudahan kita akan mendapat reda Allah Subhanahu wa Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Ramadan baru sahaja berlalu. Perginya Ramadan meninggalkan kesan yang mendalam pada kehidupan kita. Didikan Ramadan telah mampu mendisiplinkan diri kita bermula daripada bangun bersahur sehinggalah kita tidur semula. Ramadan dipenuhi dengan tuntutan fardhu mahupun sunat seperti solat berjemaah di masjid atau surau, bersedekah, istiqamah dalam membaca al-Quran, berqiamullail dan pelbagai ibadah lain. Alangkah baiknya jika kita dapat mengekalkan amalan harian sepertimana hari-hari Ramadan yang telah kita lalui selama sebulan yang lalu.

Hari ini kita berada pada awal bulan Syawal yang merupakan bulan kemenangan umat Islam setelah melalui jihad melawan hawa nafsu sepanjang sebulan Ramadan yang lalu. Sudah menjadi kebiasaan dalam kalangan umat Islam di negara kita akan mengadakan rumah terbuka bersempena menyambut kedatangan Aidil Fitri yang mulia ini.

Islam mengajar kita supaya melakukan sesuatu perkara secara bersederhana. Dalam keghairahan kita merayakan aidilfitri dengan mengadakan rumah terbuka, maka janganlah pula sampai berlakunya pembaziran.

Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Isra' ayat 26 dan 27:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ الْمُبَدِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ <sup>بِ</sup>وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا ﴿٢٧﴾

Yang bermaksud: *Sesungguhnya orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan, sedangkan syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Bulan Syawal adalah bulan silaturrahim, justeru hুলurkanlah tangan memohon kemaafan terutamanya kepada ibu bapa, suami isteri dan anak-anak dalam sesebuah keluarga. Ajaklah semua ahli keluarga mengunjungi rumah sanak saudara, jiran tetangga dan sahabat handai. Tinggalkanlah sementara televisyen dan segala gajet serta media sosial, jumlah para tetamu yang datang ke rumah kita agar kita mampu mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dan menjalinkan hubungan ukhuwwah sesama kita. Allah Subhanahu wa-Taala menjanjikan ganjaran syurga kepada seseorang yang suka berbuat baik kepada orang lain dan sentiasa menghubungkan silaturrahim. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda melalui hadis yang diriwayatkan Imam al-Tirmizi:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ أَفْشُوا السَّلَامَ وَأَطْعِمُوا الطَّعَامَ وَصَلُّوا الْأَرْحَامَ  
وَصَلُّوا بِاللَّيْلِ وَالنَّاسُ نِيَامٌ تَدْخُلُوا الْجَنَّةَ بِسَلَامٍ

Yang bermaksud: *“Wahai sekalian manusia, sebarkanlah salam, berilah makan, sambunglah silaturrahim, solatlah pada waktu malam ketika orang tidur nescaya kamu akan masuk syurga dengan sejahtera.”*

Namun perlu diingat bahawa kita mestilah sentiasa memelihara adab dan batasan dalam pergaulan. Hindarilah perbuatan mendedahkan aurat, menghias diri secara berlebihan dan berjabat tangan antara lelaki dan wanita yang bukan mahram kerana perlakuan ini adalah ditegah oleh syarak dan boleh menimbulkan fitnah. Di samping itu juga umat Islam dilarang untuk melibatkan diri dalam sebarang aktiviti yang sia-sia dan memudaratkan seperti bermain mercun. Begitu juga hendaklah meninggalkan segala acara hiburan yang bertentangan dengan hukum syarak.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Sedekah dan infaq juga perlu menjadi satu agenda ketika kita meraikan hari raya yang mulia ini. Tradisi memberi duit raya kepada kanak-kanak termasuk sanak saudara bagi menambahkan lagi keceriaan dalam berhari raya wajar diteruskan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda melalui hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi:

إِنَّ الصَّدَقَةَ عَلَى الْمِسْكِينِ صَدَقَةٌ وَعَلَى ذِي الرَّحِمِ اثْنَتَانِ صَدَقَةٌ وَصَلَةٌ

Yang bermaksud: *“Sedekah kepada golongan miskin, ganjarannya mendapat pahala sedekah, sedangkan sedekah kepada ahli keluarga akan mendapat dua ganjaran iaitu pahala sedekah dan pahala menjalin hubungan silaturrahim”*.

Kelebihan dan keberkatan bulan Ramadan perlu terus diraih dalam bulan Syawal. Umat Islam dituntut untuk melaksanakan puasa sunat 6 hari dalam bulan Syawal dengan ganjaran pahala menyamai berpuasa sepanjang tahun. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda melalui hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim :

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتْبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ

Yang bermaksud: *Barang siapa yang berpuasa Ramadan kemudian diikuti dengan berpuasa enam hari pada bulan Syawal ganjarannya seolah-olah dia berpuasa sepanjang tahun.*

Dalam suasana kemeriahan Syawal ini, janganlah pula kita abaikan tanggungjawab untuk terus mengimarahkan masjid dan surau sebagaimana yang telah kita lakukan pada bulan Ramadan. Usah dibiarkan masjid-masjid atau surau-sarau kembali kosong tanpa ada jamaahnya. Marilah kita sama-sama beristiqamah untuk melakukan amalan yang soleh sepanjang hidup kita. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah Al-Ahqaf ayat 13:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَمُوا فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١٣﴾

Yang bermaksud: "Sesungguhnya orang yang mengatakan, "Tuhan kami ialah Allah," kemudian mereka tetap istiqamah ( di atas jalan yang benar), maka tidak ada kebimbangan (daripada sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ  
الرَّحِيمُ.